

Penguasaan bahasa beri nilai tambah dalam komunikasi antarabangsa

UB 30.11.2019 2

Oleh Henry Bating

KOTAKINABALU:Kemampuan menguasai banyak bahasa khususnya bahasa-bahasa antarabangsa memberi nilai tambah secara praktikal dalam komunikasi dengan masyarakat sebuah negara ketika berurusan di luar negara.

Timbalan Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Madya Dr Saidatul Nornis Hj Mahali berkata program memasyarakatkan suatu bahasa perlu diperluaskan lagi ke bahasa-bahasa lain.

“Kemampuan kalangan pelajar berbahasa dalam bahasa yang dipelajari menunjukkan kemampuan

pembelajaran dalam meningkatkan motivasi pelajar menguasai bahasa yang dipelajari,”katanya.

Saidatul berkata demikian ketika merasmikan Seminar Humasah Bahasa Arab 2019 bertemakan ‘Pembudayaan Bahasa Arab Pemangkin Kemenjadian Insan’ di Dewan Kuliah Pusat 1 melibatkan 650 pelajar.

Seminar itu bertujuan menyerlahkan potensi pelajar yang mengambil bahasa Arab untuk menampilkan kemahiran berbahasa dan memanfaatkan penguasaan bahasa apabila berada di alam pekerjaan dan masyarakat.

Seminar sehari itu diisi dengan pembentangan penceramah melibatkan Prof Madya



SAINI


Dr Saini Ag Damit, Ustaz Mohd Taqwuddin Mohd Yazid dan Dr Muhammad Ali Abdullah.

Turut ditampilkan ialah perkongsian pengalaman pelajar Eva Evonna Jolius dan Comyline Velyna Marcus.


Dr Saini menyampaikan ceramah bertajuk Strategi Rahsia Menguasai Tata Bahasa Arab dan Bagaimana Mengaplikasikannya serta Kepentingan Bahasa Kepada Semua Lapisan Masyarakat.

Manakala Taqwuddin dengan tajuk ‘Strategi Mudah Belajar Dua Bahasa Sehingga Mampu Berkomunikasi Dengan Fasih (Bahasa Arab dan Inggeris).

Sementara Dr Mohammad Ali dengan tajuk ‘Bahasa Arab Adalah Bahasa Ilmu dalam Pelbagai Bidang di Seluruh Dunia Serta Pengalaman Belajar di Negara Arab.



PENGHARGAAN: Saidatul menerima cenderahati selepas perasmian.



HADIRIN: Sebahagian peserta seminar bahasa Arab.